

# Mahathir yakin calon BN akan menang

**PETALING JAYA, Jumaat** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meramalkan bahawa calon Barisan Nasional, V. Govindaraj, tetap akan memenangi pilihanraya kecil kawasan Parlimen Pelabuhan Kelang walaupun dengan jumlah majoriti yang bebarang.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara perasmian Nadwah Akedemi Islam kelima anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah di Dewan Al Malek Falsal di sini pagi tadi, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Pertandingan di Pelabuhan Kelang itu cumalah merupakan satu pilihanraya kecil sahaja. Dan biasanya dalam pilihanraya kecil pengundi-pengundi kurang berminat keluar mengundi."

Beliau juga menerangkan, memang menjadi strategi PAS menghendaki DAP turut bertanding dan memecahkan undi calon Barisan Nasional.

Pilihanraya tersebut diadakan berikutan kematian bekas wakil

rakyat kawasan itu, mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, yang juga bekas Menteri Pengangkutan, bulan lalu.

Seramai 49,532 orang pengundi akan keluar mengundi esok bagi memilih wakil mereka yang baru ke Parlimen.

Calon-calon berkenaan telah membuat persiapan terakhir menghadapi pilihanraya tersebut dengan mendirikan pondok-pondok bagi menyelenggarakan pengundi di 35 buah pusat membuang undi di kawasan tersebut.

Dalam pilihanraya lalu, calon Barisan, mendiang Tan Sri V. Manickavasagam mendapat 21,429 undi mengalahkan calon DAP Encik K. Ramesan yang mendapat 10,329 undi dan calon PAS Encik Mohamad Zain Ibrahim mendapat 4,935.

Kedatangan Datuk Hussain Onn ke Kapar dan Pelabuhan Kelang bagi membantu kempen pilihanraya tersebut juga akan membantu kejayaan calon Barisan.

Menurut seorang jurucakap Barisan, BN dijangka mendapat sokongan penuh dari pengundi-pengundi Melayu di Kapar serta sokongan besar dari pengundi-pengundi di Sementa dan Selat Kelang di samping sokongan pengundi-pengundi bukan Melayu di kawasan tersebut.